



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGURUSAN MASALAH TINGKAH LAKU BERULANGAN MURID
AUTISTIK MENGGUNAKAN AKTIVITI SENI VISUAL**

THELUGUTHALLY A/ P GURULOO



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti seni visual yang sesuai untuk mengurus masalah tingkah laku murid autistik. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah tingkah laku berulang murid autistik, jenis aktiviti seni visual yang sesuai dan kesannya terhadap masalah tingkah laku berulang. Reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Responden dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan melibatkan empat orang murid autistik dan seorang guru pendidikan khas di sebuah sekolah menengah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran di Kulim, Kedah. Instrumen kajian yang digunakan ialah senarai semak masalah tingkah laku berulang, soalan temu bual murid dan guru serta analisis dokumen. Data pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen dianalisis secara diskriptif. Dapatan kajian mendapati aktiviti seni visual berasaskan percikan dan capan berkesan dalam mengurus masalah tingkah laku berulang murid autistik dalam bilik darjah. Masalah tingkah laku berulang lebih banyak berkurangan melalui aktiviti capan menggunakan cap jari tangan dan menggunakan bahan semulajadi. Kesimpulannya aktiviti seni visual dapat digunakan secara berkesan untuk mengurus masalah tingkah laku berulang dalam kalangan murid autistik. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan aktiviti seni visual adalah sesuai diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid autistik bagi mengurus masalah tingkah laku berulang.





MANAGEMENT OF REPETITIVE BEHAVIOR AMONG AUTISTIC STUDENTS USING VISUAL ART ACTIVITIES

ABSTRACT

This study was to identify the suitable visual arts activities in managing repetitive behaviour problems among autistic students. The objectives were to identify problems in repetitive behaviour of autistic students, types of visual art activities and the impact on the repetitive behaviour problems. The case study design was used in this study. Respondent were selected using purposive sampling involved four autistic students and a special education teacher in a secondary school which provided Special Education Learning Disabilities Programme in Kulim, Kedah. Instruments used were the repetitive behaviour problem checklist, interview questions with students and teachers as well as documents analysis. Data from observations, interviews and document analysis were analysed descriptively. The findings showed that visual art activities based on splashes and stamping were effective in managing repetitive behaviour problems of autistic students in the classroom. The repetitive behaviour problems were more likely reduced through stamping using fingerprints and natural ingredients. In conclusion suitable visual arts activities effectively can be used in managing repetitive behaviour problems among autistic students. The implications of this study indicated that the use of suitable visual art activities can be applied in the process of teaching and learning of autistic students in order to manage repetitive behaviour problems.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xix

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.2.1	Penempatan Murid Autistik dalam PPKI	4
1.2.2	Kurikulum KSSRPK Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	7
1.2.3	Aktiviti Seni Visual dalam PPKI	9
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Tujuan Kajian	11
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Soalan Kajian	12
1.7	Rasional Kajian	12



1.8	Kepentingan Kajian	13
1.8.1	Murid Autistik	13
1.8.2	Guru Pendidikan Khas	13
1.8.3	Bahagian Pendidikan Khas (BPK)	14
1.8.4	Ibu Bapa	14
1.8.5	Penyelidik atau Pembaca	15
1.9	Batasan Kajian	15
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.11	Definisi Operasional	21
1.11.1	Masalah Tingkah Laku Berulangan	21
1.11.2	Murid Autistik	22
1.11.3	Seni Visual	22
1.11.4	Pengurusan Tingkah Laku	23
1.12	Rumusan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	24
2.2	Konsep Dalam Kajian	25
2.2.1	Konsep Autisme	25
2.2.2	Ciri-ciri Masalah Tingkah Laku Murid Autistik	31
2.3	Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik	34
2.4	Seni Visual	37
2.4.1	Percikan	41
2.4.2	Capan	42

2.5	Teori-teori Berkaitan Kajian	42
2.5.1	Teori Behaviourisme (Skinner 1951)	42
2.5.2	Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura 1963)	47
2.6	Kajian-kajian Lepas	54
2.7	Rumusan	65

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	66
3.2	Reka Bentuk Kajian	67
3.3	Sampel Kajian	69
3.3.1	Sampel Murid Autistik	70
3.3.2	Sampel Guru Pendidikan Khas	74
3.4	Lokasi Kajian	74
3.5	Prosedur Menjalankan Kajian	76
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	78
3.6.1	Pemerhatian	78
3.6.2	Temubual	79
3.6.3	Analisis Dokumen	80
3.7	Instrumen Kajian	81
3.7.1	Senarai Semak Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik Melalui Pengesahan Pakar	81
3.7.2	Kesahan Instrumen Kajian	86
3.7.2.1	Pengesahan Pakar Senarai Semak Masalah Tingkah Laku Berulangan	87
3.7.2.2	Pengesahan Pakar Soalan Temu Bual Murid	90
3.7.2.3	Pengesahan Pakar Soalan Temu Bual Guru	93

3.8	Kaedah Analisis Dokumen	96
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	99
3.9.1	Sebelum Pengajaran Aktiviti Seni Visual	103
3.9.2	Semasa Pengajaran Aktiviti Seni Visual	103
3.9.3	Selepas Pengajaran Aktiviti Seni Visual	104
3.10	Penganalisan Data	105
3.11	Pengubahsuaian Kajian Rintis	106
3.12	Rumusan	107

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	109
4.2	Analisis Dapatan Kajian	110
4.2.1	Soalan Kajian 1: Apakah Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik?	110
4.2.1.1	Analisis dapatan Kajian Pemerhatian Melalui Instrumen Senarai Semak	111
4.2.1.2	Analisis Dapatan Temu Bual	122
4.2.1.3	Analisis Laporan Dapatan Pemerhatian Masalah Tingkah Laku Berulangan Berdasarkan Aktiviti Seni Visual	124
4.2.2	Soalan Kajian 2: Apakah Jenis Aktiviti Seni Visual yang Sesuai Untuk Murid Autistik yang Bermasalah Tingkah Laku Berulangan?	129
4.2.2.1	Analisis Laporan Dapatan Pemerhatian terhadap Jenis Aktiviti Seni Visual	129

4.2.2.1.1	Aktiviti Percikan	131
4.2.2.1.1.1	Aktiviti Tiupan Straw (TS)	131
4.2.2.1.1.2	Aktiviti Menggunakan Berus Gigi (BG)	132
4.2.2.2	Aktiviti Capan	134
4.2.2.2.1	Aktiviti menggunakan Cap Jari Tangan (CJ)	134
4.2.2.2.2	Aktiviti Menggunakan Bahan Semula Jadi (BS)	135
4.2.2.3	Analisis Laporan Dapatan Temu Bual Murid Dan Guru Terhadap Jenis Aktiviti Seni Visual Yang Sesuai	139
4.2.2.4	Analisis Dapatan Bagi Jenis Aktiviti yang Berkesan untuk Mengurus Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik Secara Keseluruhan	142
4.2.3	Soalan Kajian 3: Bagaimanakah Aktiviti Seni Visual Dapat Membantu Mengurus Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik?	144
4.2.3.1	Analisis Dapatan Pemerhatian	145
4.2.3.2	Analisis Dapatan Temu Bual Respondan Kajian dan Guru Pendidikan Khas	151
4.2.3.3	Analisis Dapatan pada Perubahan Masalah Tingkah Laku Murid Autistik Berulangan Sebelum dan Selepas Aktiviti Seni Visual	157
4.3	Rumusan	167

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	170
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	171
5.2.1	Apakah Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik	171
5.2.2	Jenis Aktiviti Seni Visual yang Sesuai untuk Membantu Murid Autistik Masalah Tingkah Laku Berulangan	173
5.2.3	Bagaimanakah Aktiviti Seni Visual dapat Membantu Mengurus Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik	174
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	178
5.3.1	Implikasi Kepada Guru Pendidikan Khas	179
5.3.2	Implikasi Kepada Murid Autistik	180
5.3.3	Implikasi Kepada Ibu bapa	181
5.3.4	Implikasi Kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia	182
5.4	Batasan Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan	183
5.5	Rumusan	188

RUJUKAN	190
---------	-----

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Maklumat Responden Murid	70
3.2	Maklumat Responden Guru	74
3.3	Skala Penentuan Kekerapan Masalah Tingkah Laku Berulangan bagi Murid Autistik dan Penerangannya	82
3.4	Borang A1: Senarai Semak Pengesanan Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik oleh Pengesanan Pakar.	83
3.5	Borang A2 : Borang Catatan Pemerhatian Kekerapan Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik	85
3.6	Kadar Peratusan Pengesanan Pakar untuk Instrumen Senarai Semak Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik	88
3.7	Rumusan Pakar Bagi Instrumen Senarai Semak Masalah Tingkah Laku Berulangan	90
3.8	Skala Penentuan bagi Instrumen Soalan Temu bual Murid Autistik dan Penerangannya	91
3.9	Kadar Peratusan Pengesanan Pakar untuk Soalan Temu Bual Murid	91
3.10	Rumusan Pakar Bagi Instrumen Soalan Temu Bual Murid	93
3.11	Skala Penentuan bagi Instrumen Soalan Temu bual Guru Pendidikan Khas dan Penerangannya	94
3.12	Kadar Peratusan Pengesanan Pakar untuk Soalan Temu Bual Guru Pendidikan Khas	94
3.13	Rumusan Pakar Bagi Instrumen Soalan Temu Bual Guru	96
3.14	Analisis Dokumen dengan menggunakan DSKP Melalui Aktiviti Seni Visual Terhadap Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik	97



3.15	Jadual Kronologi Sesi Pemerhatian, Siri Masa, Aktiviti Seni Visual dan Sampel Kajian	101
4.1	Senarai Masalah Tingkah Laku Berulangan yang ditunjukkan oleh Murid Autistik	112
4.2	Senarai Masalah Tingkah Laku Berulangan yang Terperinci	119
4.3	Laporan Dapatan Pemerhatian Terhadap Masalah Tingkah Laku Berulangan Mengikut Responden Kajian	125
4.4	Kekerapan Responden Kajian Masalah Tingkah Laku Berulangan Semasa Sesi Aktiviti Seni Visual Berfokuskan Aktiviti Percikan dan Capan	130
4.5	Jenis Aktiviti Seni Visual Yang Sesuai untuk Membantu Mengurangkan Tingkah Laku Berulangan	141
4.6	Kesan Pelaksanaan Aktiviti Seni Visual Dalam Mengurus Masalah Tingkah Laku Berulangan yang ditunjukkan oleh Murid Autistik Berdasarkan Laporan Sesi Aktiviti Seni Visual Percikan Dan Capan	148
4.7	Rumusan Laporan Pengurangan Masalah Tingkah laku Berulangan Menggunakan Aktiviti Seni Visual Berasaskan Aktiviti Percikan Dan Capan dengan Perbezaan Skor Kekerapan Bagi Setiap Responden Kajian	165

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	17
3.1	Carta Aliran Prosedur Kajian.	77
4.1	Kekerapan Masalah Tingkah Laku Berulangan Responden A Mengikut Jenis Tingkah Laku Berulangan Spesifik	113
4.2	Kekerapan Masalah Tingkah Laku Berulangan Responden B Mengikut Jenis Tingkah Laku Berulangan Spesifik	115
4.3	Kekerapan Masalah Tingkah Laku Berulangan Responden C Mengikut Jenis Tingkah Laku Berulangan Spesifik	116
4.4	Kekerapan Masalah Tingkah Laku Berulangan Responden D Mengikut Jenis Tingkah Laku Berulangan Spesifik	118
4.5	Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik Secara Terperinci	120
4.6	Dapatan Pemerhatian Masalah Tingkah Laku Berulangan Mengikut Responden Kajian	128
4.7	Peratus Kekerapan Responden Kajian Masalah Tingkah Laku Berulangan Semasa Aktiviti Seni Visual (Percikan dan Capan)	137
4.8	Jenis Aktiviti Seni Visual yang Sesuai dan Tempoh Masa Pemerhatian Masalah Tingkah Laku Berulangan Murid Autistik Secara Keseluruhan	142
4.9	Jenis Aktiviti Seni Visual Yang Berkesan untuk membantu Responden Kajian dalam Mengurus Masalah Tingkah Laku Berulangan Secara Keseluruhan	143
4.10	Kesan Peningkatan Kekerapan Responden Kajian Masalah Tingkah Laku Berulangan	146
4.11	Perubahan Positif Kekerapan Responden Kajian Masalah Tingkah Laku Berulangan Sebelum dan Selepas Aktiviti Seni Visual Dijalankan	150

4.12(a)	Aktiviti Seni Visual Cap Jari Pemerhatian 3 dan 10 Responden A	157
4.12(b)	Aktiviti Seni Visual Bahan Semula Jadi Pemerhatian 4 dan 10 Responden A	158
4.13(a)	Aktiviti Seni Visual Berus Gigi Pemerhatian 3 dan 10 Responden B	159
4.13(b)	Aktiviti Seni Visual Bahan Semula Jadi Pemerhatian 3 dan 10 Responden B	159
4.14(a)	Aktiviti Seni Berus Gigi Pemerhatian 4 dan 10 Responden C	161
4.14(b)	Aktiviti Seni Bahan Semula Jadi Pemerhatian 4 dan 10 Responden C	161
4.15(a)	Aktiviti Seni Tiupan Straw Pemerhatian 3 dan 10 Responden D	163
4.15(b)	Aktiviti Seni Berus Gigi Pemerhatian 4 dan 10 Responden D	163
4.16	Rumusan Laporan Pengurangan Masalah Tingkah laku Berulangan Menggunakan Aktiviti Seni Visual Berasaskan Aktiviti Percikan Dan Capan dengan Perbezaan Skor Kekerapan Bagi Setiap Responden Kajian	167



SENARAI SINGKATAN

ADD	<i>Attention Deficit Disorder</i>
ADHD	<i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder</i>
APA	<i>American Psychiatric Association</i>
ASD	<i>Autism Spectrum Disorder</i>
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FPPM	Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia
IDEA	<i>Individuals with Disabilities Education Act</i>
IPS	Institut Pengajian Siswazah
JKM	Jabatan Kebajikan Malaysia
JPK	Jabatan Pendidikan Khas
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPKMP	Kurikulum Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
KSSRPK	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas
MBK	Murid Berkeperluan Khas
NASOM	<i>National Autism Society of Malaysia</i>
OUM	Open Universiti Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xviii

PPD

Pejabat Pelajaran Daerah

PPKI

Program Pendidikan Khas Integrasi

PPM

Pembantu Pengurusan Murid



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Fakulti Pembangunan Manusia dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Pendidikan Sultan Idris
- B Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia
- C Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
- D Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah
- E Surat Pengesahan Status Pelajar
- F Soalan Temu Bual Murid
- G Soalan Temu Bual Guru
- H Ringkasan Kajian dan Borang Kebenaran Untuk Ibu Bapa/ Penjaga Responden
- I Ringkasan Kajian dan Borang Kebenaran Untuk Guru Pendidikan Khas
- J Surat Pelantikan Sebagai Pakar Penilai Kesahan Instrumen P1
- K Surat Pelantikan Sebagai Pakar Penilai Kesahan Instrumen P2
- L Surat Pelantikan Sebagai Pakar Penilai Kesahan Instrumen P3





BAB 1

PENGENALAN



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat satu kenyataan untuk mengambil tanggungjawab ke atas pendidikan murid-murid pendidikan khas di Malaysia pada 1979 (Abdul Rashid A. Latiff, 2007). Ekoran itu, terdapat empat kementerian terlibat sepenuhnya dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk murid pendidikan khas iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam (Norfishah Mat Rabi, 2016). Masyarakat Malaysia sedar mengenai kanak-kanak khas terutamanya jenis autisme melalui maklumat daripada Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM). Namun begitu, perancangan pelaksanaan program untuk murid-





murid autistik adalah suatu agenda yang memerlukan kreativiti, kesabaran dan kekal berpanjangan.

Autisme merupakan satu gangguan perkembangan otak yang berterusan dan kekal. Murid-murid autistik ini yang mempunyai masalah dari segi sosial, emosi, komunikasi verbal atau pun non-verbal dan tingkah laku. *Autistic disorders specially affect those aspects of mind involving communication, communicating and behaviours*, (Ana Maria Rodriguez, 2009), menjelaskan murid autistik mengalami gangguan fungsi fizikal otak. Golongan autisme adalah seorang insan yang istimewa jika dibandingkan dengan jenis ketidakupayaan kategori lain (Candace S.Bos & Sharon Vaughn, 2002). Ada sesetengah murid autistik lebih bijak daripada kategori genius seperti ASD. Ada juga murid-murid autistik yang langsung tidak boleh difahami melalui tingkah laku dan adakala membingungkan seperti sikap tiba-tiba ketawa, tiba-tiba menangis, pasif, aktif tidak menentu, murung dan melompat-lompat, bertepuk-tepuk, menggeleng kepala tanpa berhenti, mencederakan diri, singkat tumpuan, menggerakkan mata kiri ke kanan dan banyak lagi. Ini menyebabkan kita sukar meramal atau menjangka apa tindakan mereka seterusnya. Semua tingkah laku yang dijelaskan di atas merupakan ciri-ciri umum murid autistik yang telah disarankan oleh pakar perubatan seperti tertera dalam Pelan Strategik 2011-2015 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011).

Perkara yang paling menarik dalam diri seseorang individu autisme ialah kita tidak dapat membaca corak emosi yang menyebabkan tingkah laku yang sukar diramal maksudnya (David A. Souza, 2001). Pergerakan fungsi fizikal otak mereka sangat unik. Hubungan tingkah laku sangat berkait rapat dengan keadaan emosi





mereka. Paling menakjubkan adalah naluri mereka lebih kuat yang mendorong melakukan tingkah laku yang drastik dan spontan. Contohnya, mereka boleh ‘menghidu’ kedatangan ibu bapa mereka bagi menjemput pulang. Tingkah laku seperti ini iaitu secara tiba-tiba mengemas barangan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) membawa indikator bahawa waris akan datang menjemput dalam masa yang singkat. Jangkaan itu memang tepat sekali. Tingkah laku murid autistik selalu menampilkan sifat janggal tetapi ada maksud di sebalik perbuatan itu (Hallahan & Kauffman, 2006). Mereka seolah-olah sudah menjangka apa akan berlaku seterusnya. Keadaan ini tidak boleh dilihat pada murid-murid normal yang sebaya dengan mereka.



Kajian berkaitan dengan tingkah laku berulang murid autistik menggunakan seni visual merupakan isu yang masih baru dikaji dan perlu diteruskan kerana kebanyakan aktiviti seni visual ini digunakan oleh kaunselor untuk murid bermasalah tingkah laku dan masalah disiplin di sekolah arus perdana seperti masalah trauma (Mohd Sharani Ahmad, 2006). Pendidikan Seni Visual terkandung dalam silibus pengajaran dan pembelajaran bagi murid masalah pembelajaran (JPK & KPM, 2006). KPM telah memberi menggariskan panduan dalam Kurikulum Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (KPKMP) mengenai Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu komponen penting dalam memenuhi keperluan individu murid-murid pendidikan khas. Ia mempunyai matlamat tersendiri yang mencungkil dan mengembangkan bakat murid dalam bidang seni seperti murid autistik.

Dalam kurikulum ini termaktub enam objektif Kompenan Pendidikan Seni Visual yang menghuraikan lebih terperinci mengenai perkembangan bakat dan





keaktiviti, proses kemahiran kognitif, menilai keindahan dan warisan budaya, mengenal, membeza dan menggunakan warna yang betul, menghasilkan hasil karya yang kreatif serta memberi peluang ke arah pengembangan diri pelajar (JPK, 2003). Maka ternyata bahawa seni merupakan aspek penting bagi murid-murid pendidikan khas seperti murid autistik (Chang, 1997). Pengajaran seni visual adalah secara bebas dan fleksibel bagi murid autistik. Ini memberi peluang kebebasan kepada jiwa murid autistik supaya dapat meluahkan perasaan dalam pelbagai dimensi seni. Secara tidak langsung seni dapat mengawal pelbagai masalah tingkah laku murid autistik secara berperingkat. Guru-guru akan memberi kebebasan kepada murid autistik dalam mengkaryakan hasil seni berdasarkan minat masing-masing (Mahfuzah Zainol, 2014).



Penyelidik telah menetapkan beberapa elemen dalam menentukan latar belakang kajian. Antara yang dimasukkan ialah penempatan murid autistik dalam PPKI, kurikulum KSSRPK mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan aktiviti seni visual dalam PPKI.

1.2.1 Penempatan Murid Autistik dalam PPKI

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) ditadbir di bawah Bahagian Pendidikan Khas (BPK) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (KPM, 2011). Dasar Pendidikan





Wajib (JPK & KPM, 2006), pendidikan peringkat sekolah rendah untuk semua kanak-kanak termasuk kepada murid kurang upaya adalah wajib di negara ini.

Bahagian Pendidikan Khas (2011), telah merancang pelbagai program untuk murid bermasalah pembelajaran di sekolah rendah mahu pun di sekolah menengah dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Semua perancangan yang dirancang dan dilaksanakan di PPKI berdasarkan sukatan pelajaran seperti terkandung dalam kurikulum pendidikan khas. Dalam Program PPKI ini, murid menjalani Pengajaran dan Pemudahcara (PdPc) secara berasingan. Murid ini juga mempelajari pelbagai aspek seperti pengurusan diri, kemahiran sosial, kemahiran vokasional dan pengurusan kerohanian yang diperlukan untuk kehidupan murid itu (Razhiyah, 2008). Dengan ini murid lebih berkeyakinan tinggi dan mudah menceburi alam pekerjaan dalam bidang-bidang yang telah dipelajari dengan kebolehan mereka yang sedia ada.

Murid ditempatkan mengikut beberapa proses bermula dengan proses ujian saringan, pendiagnosan dan seterusnya penempatan dalam PPKI (Norfishah Mat Rabi & Grace Annamal Gnana Piragasam, 2018). Dalam hal ini murid autistik juga tidak terkecuali. Kegagalan pencapaian yang baik dalam aspek disebut di atas akan membantutkan kemajuan hidup dalam diri murid ini. Keupayaan untuk memberi fokus dan mengekalkan fokus tersebut dianggap sebagai kewajipan dalam memenuhi keperluan asas untuk mendapat kejayaan dalam pendidikan, tingkah laku dan hubungan interaksi sosial (Cecil & Coleman, 1986). Usaha ini harus melibatkan pelbagai peringkat bermula daripada keluarga, pihak sekolah, Jabatan Pendidikan dan seterusnya ke peringkat kementerian-kementerian yang terlibat yang terlibat (Hasnah Toran, 2010).





Murid autistik juga tergolong dalam kategori murid bermasalah pembelajaran. Murid autistik mempunyai pelbagai ciri-ciri yang berlainan dengan murid bermasalah pembelajaran yang lain (Aznan Che Ahmad et.al, 2010). Murid-murid autistik ini sentiasa memperagakan pelbagai tingkah laku yang sukar difahami oleh orang yang normal seperti tingkah laku hiper atau pasif. Kebanyakan murid autistik hiper memperlihatkan tingkah laku seperti sering dalam keresahan, lompat sambil bertepuk, menjerit, tidak endahkan arahan yang diberikan, manakala murid autistik pasif menunjukkan sikap pemalu, pendiam, sukar berkomunikasi walaupun boleh mendengar dengan jelas percakapan kita. Selain itu, sifat kepura-puraan merupakan elemen yang jelas kelihatan pada tingkah laku murid autistik (Ellyn Lucas Arwood et.al, 2009).



Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada murid pendidikan khas bermasalah dilaksanakan berdasarkan sukatan pelajaran ditetapkan (JPK & KPM, 2006). Sukatan Pelajaran direka khas untuk murid bermasalah pembelajaran berdasarkan tahap kemampuan murid autistik yang terlibat. Contohnya murid autistik adalah salah satu kategori yang terlibat dalam masalah pembelajaran. Murid autistik selalunya menampakkan ciri yang berlainan daripada golongan kekurangan kategori yang lain seperti sindrom Down. Maka, dalam sukatan pelajaran diperkenalkan pelbagai komponen pengajaran dan pembelajaran mengikut ketidakupayaan tersebut (Noraini Mohd Salleh et .al, 2011).

Setiap tingkah laku dalam kalangan murid autistik dapat diurus dengan lancar jika kerjasama di semua peringkat ini kukuh dan berterusan (Amir Awang, 2011). Kegagalan pencapaian murid pendidikan khas dalam semua aspek adalah kegagalan semua pihak yang terlibat. Sokongan dan bantuan yang berterusan daripada pihak





sekolah dan masyarakat juga membantu murid istimewa mencapai kejayaan dalam proses pembelajaran. Motivasi adalah medium yang mudah digunakan tanpa sebarang bayaran. Kemahiran mendekati seseorang secara individu melalui apa saja aktiviti dalam memulihkan tingkah laku anak-anak autistik adalah tanggungjawab keluarga sepenuhnya. Jika pihak keluarga ingin melihat perubahan pada anak mereka, maka ibu bapa seharusnya berikhtiar dan sentiasa berhubung dengan pihak sekolah atau pihak berkenaan yang boleh memberi idea-idea yang membantu anak mereka (Jamilah K.A.Mohamed, 2005).

1.2.2 Kurikulum KSSRPK Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual



Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan satu transformasi kurikulum dalam sejarah pendidikan khas (KPM, 2011). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) adalah satu pola pendidikan khas bagi murid-murid pendidikan khas di sekolah rendah bermasalah pembelajaran. Bagi murid-murid pendidikan khas di sekolah menengah, pelaksanaan kurikulum dibahagikan kepada tiga iaitu bagi murid bermasalah penglihatan, murid bermasalah pendengaran dan murid bermasalah pembelajaran (Norfishah Mat Rabi, 2016). Murid bermasalah pembelajaran terdiri daripada murid-murid seperti kategori sindrom down, autisme, ADHD, slow learner dan masalah-masalah ketidakupayaan fizikal yang lain.

Dalam dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK), disarankan panduan mengenai kepentingan mata pelajaran Seni visual dalam pengajaran dan pembelajaran (KPM, 2012). Dokumen ini bertujuan memberi





pendedahan dan peluang kepada murid dalam memperkembangkan bakat keperibadian, kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian dan alam sekitar serta perkaitannya dengan mata pelajaran lain (Mohd Johari Ab Hamid(a), 2013).

Kandungan dokumen rasmi ini mendukung objektif yang mulia iaitu berupaya membantu murid meningkatkan rasa kesyukuran kepada Tuhan, menghargai keindahan alam sekitar, keindahan seni dan warisan bangsa serta menyumbangkan ke arah pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2012). Kurikulum ini boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran murid pendidikan khas amnya dan yang bermasalah pembelajaran secara khusus. Isi kandungan dan pelaksanaan PdP boleh diubahsuai mengikut fleksibiliti, tahap kebolehan dan kemampuan murid pendidikan khas (KPM, 2011). Sukatan pelajaran pendidikan khas merangkumi kompenan pengurusan diri dan kompenan akademik. Kompenan kemahiran pengurusan diri yang terdiri daripada pengurusan tingkah laku, emosi, sensori dan bahasa manakala kompenan vokasional merangkumi kompenan kemahiran hidup dan kemahiran manipulatif.

Kompenan akademik yang diterapkan untuk murid bermasalah pembelajaran adalah seperti bidang pendidikan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Multimedia, Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Jasmani (Mohd Zuri et.al, 2014). Kompenan akademik ini tidak membebankan murid, berfokus, menarik, mudah difahami dan fleksibel. Murid yang mempunyai masalah tingkah laku seperti murid autistik memerlukan satu strategi bagi mengurus masalah tingkah laku seperti tingkah laku sterotaip dan berulang yang dianggap serius (Mahfuzah Zainol, 2016). Memandangkan kompenan pendidikan seni visual memang berada dalam kurikulum



pendidikan khas, maka ia dijadikan sebagai medium yang boleh mengurus masalah tingkah laku berulang dalam kalangan murid autistik (Suryana, 2004).

1.2.3 Aktiviti Seni Visual dalam PPKI

Pendidikan Seni Visual dalam kurikulum pendidikan khas bermasalah pembelajaran bertujuan untuk mengembangkan potensi murid-murid berkeperluan khas supaya mereka dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh melalui seni (Mohd Johari Ab Hamid & Hamzah Lasa, 2013). Pengajaran seni dapat membantu mencungkil bakat, kreativiti yang terpendam dalam diri murid seperti autistik. Maka pembelajaran melalui seni boleh mengurus pelbagai punca masalah salah satunya tingkah laku berulang. Apabila potensi dikeluarkan satu kepuasan akan timbul dalam diri murid autistik yang dipercayai boleh mengurus tingkah laku bermasalah (Jane K.Bates, 2000).

Memandangkan Pendidikan Seni Visual adalah satu cabang perkongsian ilmu kepada murid bermasalah pembelajaran seperti murid autistik maka usaha mengurangkan masalah ini diteruskan. Oleh demikian, penyelidik mencadangkan penggunaan aktiviti seni visual terhadap kanak-kanak autistik yang bermasalah tingkah laku berulang dapat dipulihkan secara berperingkat (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2008). Justeru itu, guru-guru perlu meninjau isu utama yang mencabar ibu bapa murid-murid ini dan diharap kajian ini dapat membantu ibu bapa dan guru-guru untuk mengenal pasti, mendiagnos dan mendokumentasikan sikap dan tingkah laku berulang murid autistik ini (Addison, 2013). Masalah tingkah laku berulang

dalam kalangan murid autistik boleh diperhatikan di sekolah mahu pun di rumah dengan strategi yang lebih berkesan melalui sesi pemerhatian dan sesi temu bual. Dengan maklumat yang diperolehi, maka diharapkan penyelidik dapat menyediakan aktiviti-aktiviti seni visual yang sesuai untuk murid yang dikenal pasti dan menjadi sasaran kajian kelak.

1.3 Pernyataan Masalah

Tingkah laku merupakan petanda yang mudah untuk masyarakat umum mengenal perbezaan murid autistik dengan murid tipikal (Norfishah Mat Rabi & Grace Annamal Gnana Piragasam, 2018). Kelewatan perkembangan dalam aspek bahasa pada peringkat awal kanak-kanak adalah petanda yang serius bagi autisme. Murid autistik selalunya mempamerkan kelakuan yang ganjil dan pelik berbanding dengan murid yang sebaya dengan mereka. Mereka juga sukar berkomunikasi dan sukar memahami arahan baik secara lisan mahupun bukan lisan seperti isyarat, bahasa badan apatah lagi tulisan. Justeru itu, mereka ini memerlukan satu aktiviti yang sesuai bagi membentuk tingkah laku yang positif. Maka dengan itu, penyelidik yakin bahawa aktiviti seni visual merupakan strategi yang kukuh dalam memulihkan masalah tingkah laku berulang dalam kajian ini.

Sehingga kini, ramai tidak memahami ciri-ciri autisme yang bermasalah tingkah laku telah menyebabkan gangguan dalam hidup mereka sendiri dan persekitaran. Tiada seorang pun dapat memahami dan menterjemahkan corak tingkah laku golongan ini secara terperinci. Murid autistik seolah-olah melayan diri sendiri



tanpa menghiraukan masyarakat sekeliling termasuk pada pelbagai perubahan persekitaran. Menurut Abd Halim Mustapha (2012), di Malaysia masalah tingkah laku berulang dalam kalangan murid autistik semakin meningkat. Guru-guru dan ibu bapa menghadapi kebuntuan dalam mencari-cari-cari jalan keluar bagi menangani masalah ini.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji sejauhmana aktiviti seni visual dapat mengurus masalah tingkah laku berulang murid autistik dalam Program PPKI dan hasil aktiviti seni visual terhadap perubahan tingkah laku berulang murid autistik.



1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah mencadangkan tiga objektif seperti berikut:

1.5.1 Menenal pasti masalah tingkah laku berulang murid autistik.

1.5.2 Menenal pasti jenis aktiviti seni visual yang bersesuaian bagi menangani masalah tingkah laku berulang murid autistik.

1.5.3 Menenal pasti kesan aktiviti seni visual dalam mengurus masalah tingkah laku berulang murid autistik.





1.6 Soalan Kajian

Penyelidik mengajukan tiga soalan seperti berikut:

- 1.6.1 Apakah masalah tingkah laku berulang murid autistik?
- 1.6.2 Apakah jenis aktiviti seni visual yang sesuai untuk murid autistik yang bermasalah tingkah laku berulang?
- 1.6.3 Bagaimanakah aktiviti seni visual dapat membantu mengurus masalah tingkah laku berulang murid autistik?

1.7 Rasional Kajian



Rasional kajian ini memberi ilmu baru kepada pembaca seperti golongan guru, golongan ibu bapa dan seterusnya masyarakat dalam mengurus masalah tingkah laku berulang dalam kalangan murid autistik. Setiap tahun golongan pendidik dan ibu bapa sering merasa tertekan dan mencari-cari apakah jalan penyelesaian bagi masalah ini. Selain dari itu, kajian ini juga mempunyai agenda tersendiri di mana ia mentransfomasikan elemen baru dalam menangani masalah tingkah laku berulang autistik di peringkat global melalui aktiviti seni visual. Penyelidik juga menekankan bahawa mata pelajaran seni visual merupakan mata pelajaran yang wajib dalam program Pendidikan Khas amnya dan dalam PPKI khususnya. Kajian diharapkan dapat menjadi garis panduan atau bahan rujukan kepada penyelidik-penyelidik yang akan datang untuk membina sesuatu bahan panduan seperti modul atau instrumen yang lebih efektif.





1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk melihat bagaimana aktiviti seni visual dapat mengurus masalah tingkah laku berulang murid autistik secara keseluruhan sama ada di dalam bilik darjah, sekolah, di rumah atau pun di khalayak. Kajian ini juga menghuraikan kepentingan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam secara langsung dalam pengurusan tingkah laku berulang murid autistik seperti berikut:

1.8.1 Murid Autistik

Aktiviti seni visual dapat memberi peluang kepada murid autistik itu sendiri dalam mengurus masalah tingkah laku berulang secara berperingkat. Ia merupakan satu proses bimbingan dalam menangani masalah tingkah laku secara umum. Hal ini mungkin mengambil masa yang panjang bagi menampakkan hasil positif dalam perkembangan tingkah laku. Walau bagaimanapun, murid ini diharapkan dapat manfaat daripada aktiviti seni visual yang disediakan dan dijalankan seperti dirancang. Faktor kesediaan murid juga amat diberi perhatian (Razhiyah, 2005).

1.8.2 Guru Pendidikan Khas

Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada warga guru supaya dapat mengurus murid tingkah laku hiper atau pun pasif. Kekurangan bahan ilmiah menyebabkan guru stress, buntu dan hilang fokus dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.





Menerusi kajian ini diharapkan guru mendapat pelbagai input mengenai bagaimana seni visual dapat mengurus masalah tingkah berulang dalam kalangan murid autistik.

1.8.3 Bahagian Pendidikan Khas (BPK)

Kajian ini diharapkan dapat menjadi saluran penyampai ke BPK untuk melihat secara terperinci bagaimana aktiviti seni visual dapat mengurus masalah tingkah laku berulang dalam kalangan murid autistik. Bahagian Pendidikan Khas merupakan bahagian yang bertanggungjawab terhadap pendidikan bagi semua peringkat kategori murid pendidikan khas dalam transformasi murid kurang upaya (BPK, 2011). Pendek kata kajian ini mungkin boleh dijadikan batu loncatan dalam membina garis panduan kepada warga pendidik dalam program pendidikan khas dalam menangani masalah tingkah laku berulang murid autistik di masa akan datang.

1.8.4 Ibu bapa

Kajian ini memberi input awal kepada ibu bapa sebagai intervensi dalam mengurus masalah tingkah laku berulang di rumah sebelum memasuki persekolahan. Kerjasama ibu bapa dari awal akan memberi impak positif terhadap perkembangan tingkah laku anak autistik. Ibu bapa merupakan insan yang paling awal dan paling dekat dengan semua anak-anak sejak mereka dilahirkan. Jo Webbler dan Cynthia (2010) menjelaskan dalam intervensi awal, bukan sahaja latihan diberi kepada anak-





anak tetapi juga kepada ibu bapa berkenaan cara mengendalikan anak-anak istimewa mereka. Murid autistik juga memerlukan sokongan ibu bapa dalam mengurus tingkah laku mereka. Kajian akan memberi panduan kepada ibu bapa dalam mengurus masalah tingkah laku berulang anak mereka.

1.8.5 Penyelidik atau Pembaca

Aktiviti seni visual merupakan maklumat yang boleh diguna pakai oleh penyelidik dan pembaca ke atas murid autistik yang bermasalah tingkah laku berulang (Richard P. Jolley, 2010). Kajian ini akan membuka minda pembaca dalam mencetus idea-idea yang lebih efektif bagi membantu menyelesaikan masalah tingkah laku berulang murid autistik di masa akan datang. Pembaca berpeluang menyumbangkan idea-idea bersandarkan kajian ini. Cetusan idea yang dibangkitkan oleh pembaca akan lebih memberi makna dalam hidup individu autisme.

1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada beberapa perkara-perkara tertentu. Kajian ini adalah sebuah kajian kes. Kajian ini hanya dijalankan di sekolah menengah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Kedah. Kajian ini hanya terbatas kepada murid autistik bermasalah tingkah laku berulang sahaja. Penyelidik memilih murid kategori autisme yang bermasalah tingkah laku






berulangan seperti menggeleng-geleng kepala, meramas-ramas jari, menggoyang-goyangkan badan dan bertepuk- tepuk tangan dan sebagainya.

Tiga jenis aktiviti seni visual dicadangkan iaitu percikan, kolaj dan capan bagi memerhati masalah tingkah laku berulangan seperti diperhatikan dalam kajian ini. Akan tetapi aktiviti kolaj terpaksa digugurkan semasa pelaksanaan kajian sebenar. Ini kerana murid tidak berminat dengan aktiviti kolaj. Jumlah sampel yang dikaji ialah dalam kuantiti yang kecil iaitu antara tiga hingga empat orang murid sahaja supaya lebih mudah dalam prosedur pengumpulan data di mana ia memerlukan pemerhatian yang teliti.



Kerangka konsep boleh dikaitkan dengan menggunakan mana-mana teori yang wujud atau dibentuk sendiri (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Secara ringkasnya kerangka konseptual adalah satu rangka yang menerangkan fakta-fakta yang mengandungi bentuk kajian, hala tuju kajian, format kajian secara berperingkat. Penyelidik telah membina kerangka konsep dengan cara tersendiri seperti dalam Rajah 1.1 berikut di mana Rajah 1.1 menunjukkan pergerakan melaksanakan kajian ini melalui kerangka konseptual secara ringkas.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian.

Rajah 1.1 menyingkap cara perlaksanaan kajian ini dari awal sehingga ke akhir dapatan kajian. Penyelidik telah memulakan kajian dengan mengenal pasti masalah tingkah laku berulang melalui teknik pemerhatian dan temu bual dengan murid autistik bermasalah tingkah laku berulang dan guru pendidikan khas yang mengajar mata pelajaran seni visual. Berdasarkan masalah tingkah laku berulang tersebut, sesi aktiviti seni visual yang menggunakan aktiviti percikan dan capan yang sesuai diberikan kepada murid autistik. Aktiviti percikan yang dimaksudkan ialah aktiviti tiupan straw, aktiviti menggunakan berus gigi untuk mendapatkan imej daripada warna air dan aktiviti capan pula menggunakan cap jari tangan dan menggunakan bahan semula jadi seperti kacang bendi dalam kajian ini.

Kajian ini dijalankan berdasarkan dua teori seperti Teori Tingkah Laku (B.F.Skinner, 1951) dan Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura, 1963). Penyelidik berpendapat bahawa kedua-dua teori ini mempunyai kaitan dengan tajuk yang hendak dikaji iaitu masalah tingkah laku berulang dan murid autistik yang



pada dasarnya autisme mempunyai kaitan dengan hubungan sosial (Siti Sakinah Idris et.al, 2014). Semasa menjalankan aktiviti seni visual iaitu aktiviti percikan dan capan, penyelidik menitikberatkan perkara yang penting iaitu bahan yang digunakan mestilah menarik minat murid dan pengalaman sedia ada dalam aktiviti seni.

Minat yang mendalam akan mempengaruhi *mood* seseorang individu (Kamarulzaman Kamaruddin, 2014). Pemilihan bahan menjadi elemen utama dalam menggerakkan rangsangan dan gerak balas seseorang. Ganjaran merupakan medium dalam perubahan tingkah laku pada murid berlaku. Jika ganjaran tidak diberikan maka tingkah laku akan berulang-ulang. Hal ini sangat bersesuaian pada golongan murid autistik. Tingkah laku berulang sering berlaku dalam kalangan murid autistik. Jika ganjaran atau motivasi dijanjikan, sikap tingkah laku berulang ini beransur kurang dan dapat dipulihkan. Hujah ini disokong dalam Teori Tingkah laku (Skinner) dan Teori Pembelajaran Sosial (Bandura).

Seterusnya, dalam menjalankan aktiviti seni visual yang melibatkan aktiviti percikan dan capan, penyelidik telah menggunakan dirinya sendiri untuk membuat demonstrasikan cara aktiviti seni visual digunakan melalui bahan-bahan yang disediakan terlebih dahulu dengan bantuan guru pendidikan khas. Penyelidik menjadi role model utama sebelum murid melakukan aktiviti sebenar. Murid autistik merupakan ciri-ciri pemerhatian yang tajam dan ciri-ciri peniruan merupakan sesuatu yang semula jadi. Hal ini dibuktikan dalam Teori Skinner dan Teori pembelajaran sosial menjelaskan kesan dalam pengajaran dan pembelajaran di mana kemahiran dan teknik yang baru dipelajari adalah asas daripada pemerhatian dan peniruan. Ia juga mestilah diikuti dengan peneguhan secara berterusan supaya kemahiran dan teknik





yang diajar akan dikekalkan. Murid pendidikan khas memerlukan rangsangan bagi mendapatkan gerak balas terutamanya murid autistik.

Peneguhan positif dan hukuman adalah penting bagi mengubah tingkah laku dikehendaki, dikekalkan dan penghapusan (Suppiah Nachiappan, 2014). Penyelidik dan guru pendidikan boleh menyakinkan murid supaya memulakan aktiviti dengan bantuan mereka pada peringkat awal. Sokongan berbentuk pujian dan motivasi dapat meyakinkan murid ini berani menceburkan diri dalam aktiviti seni visual melalui aktiviti percikan dan aktiviti capan yang seterusnya. Dengan demikian penyelidik boleh kurangkan penglibatan sendiri secara beransur kerana yakin murid boleh melakukannya dengan sendiri seterusnya. Peneguhan positif memberi kesan positif dalam diri murid melalui pengekalan tingkah laku yang ditetapkan. Hukuman akan membawa kesakitan yang menghapuskan tingkah laku yang tidak dikehendaki (OUM, 2005). Murid autistik mempunyai ciri-ciri tingkah laku berulang yang perlu diubah dengan strategi pengajaran yang bersesuaian seperti diperjelaskan oleh Skinner.

Persekitaran dan manusia saling berkait rapat. Bandura menjelaskan manusia belajar sesuatu dengan cara pemerhatian atau peniruan. Teori Sosial yang dipelopori oleh Albert Bandura menjelaskan bahawa manusia adalah aktif, berupaya membuat pilihan dan menggunakan proses-proses simbolik bagi memperihalkan sesuatu peristiwa dan berkomunikasi dengan orang lain (Hallahan & Kauffman, 2006; Kuder, 2003). Albert Bandura menjelaskan lebih terperinci mengenai teori pembelajaran sosial ini mempunyai prinsip-prinsip seperti peneguhan dan pemerhatian (Mahmood Nazar Mohamed, 1990). Kenyataan ini dapat dikaitkan dengan murid autistik yang mempunyai ciri iaitu meniru perlakuan orang dewasa.





Menurut Kasmini Kassim (1992), manusia belajar dengan memerhati, menumpukan perhatian, membentuk imej, mengingat, menganalisis dan membuat keputusan yang memberi kesan terhadap pembelajaran. Peniruan berlaku apabila seseorang meniru model atau contoh yang dipamerkan. Murid autistik suka memerhati pada perkara yang disukainya dan akan menumpukan sepenuhnya fokus dan cuba mengeluarkan hasil pemerhatian melalui tingkah laku. Contohnya murid autistik suka memerhati lukisan yang telah dilukis oleh guru dan akan melukis semula apa yang dilihat dalam bentuk imaginasi tersendiri. Ini merupakan ciri-ciri keunikan murid autistik.

Peniruan, peneguhan, motivasi, ganjaran dan rangsangan adalah aspek yang penting untuk murid bermasalah pembelajaran seperti murid autistik. Dengan adanya elemen-elemen ini, masalah tingkah laku berulang yang kelihatan pada murid autistik dapat dikurangkan secara berperingkat (Norfishah Mat Rabi & Hasrul Hosshan, 2016). Oleh itu, penyelidik telah memilih Teori Behaviourisme dan Teori Sosial atau Permodelan dan aktiviti seni visual seperti aktiviti percikan dan capan bagi melihat perubahan tingkah laku berulang dalam kalangan murid autistik dalam kajian ini.

Tingkah laku berulang yang dapat dilihat pada murid autistik dan boleh dimodifikasikan melalui aktiviti-aktiviti yang melibatkan peniruan atau permodelan (Ramlah Jantan & Mahani Razali, 2004). Contohnya tingkah laku berulang pada murid autistik dapat diubah dengan menggunakan aktiviti seni visual secara berulang-ulang. Pengulangan aktiviti seni visual seperti percikan dan capan dapat membendul tingkah laku ulangan yang tidak dikehendaki. Peneguhan juga dibuat dengan





mempamerkan hasil seni visual mereka di luar bilik darjah. Rangsangan seperti ini menjadi motivasi kepada murid autistik untuk mengurangkan tingkah laku berulang dan mengekalkan tingkah laku yang difokuskan (Slavin, 1997). Hasil daripada pelaksanaan aktiviti seni visual melalui aktiviti percikan dan capan kepada murid autistik selama tempoh masa 10 kali sesi pemerhatian dan sesi temu bual menunjukkan impaknya terhadap perubahan masalah tingkah laku berulang murid autistik seperti meramas jari, bertepuk tangan sambil ketawa kuat, menggeleng kepala secara berterusan dan melompat-lompat tanpa berhenti dan mengulanginya.

1.11 Definisi Operasional



Dalam kajian ini, penyelidik memfokus tiga definisi operasional berdasarkan tajuk kajian. Definisi-definisi tersebut ialah tingkah laku berulang, murid autistik dan aktiviti seni visual.

1.11.1 Masalah Tingkah Laku Berulangan

Masalah tingkah laku berulang merupakan satu perbuatan yang berulang-ulang atau perbuatan yang dilakukan dalam satu jangka masa yang panjang dan lebih lama. Keadaan tingkah laku berulang ini tidak akan berubah disebabkan oleh terbiasa dan semulajadi. Keadaan ini merupakan satu ciri individu autisme spesifik yang boleh dilihat pada murid autistik.





1.11.2 Murid Autistik

Autisme bukan sejenis penyakit tetapi ialah satu keadaan di mana seseorang itu mengalami kecelaruan dalam sistem saraf yang mengganggu kehidupan harian mereka dari aspek komunikasi, emosi, tingkah laku dan sosial. Gangguan kecelaruan ini menyebabkan individu autisme ini kelihatan berbeza dengan individu yang tipikal.

1.11.3 Seni Visual

Seni adalah media komunikasi yang menyalurkan sesuatu maksud dari dalaman seseorang. Seni yang dimaksudkan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah seni visual.

Penyelidik merujuk seni visual kepada satu perbuatan yang melahirkan idea daripada daya pemikiran (imaginasi) seseorang. Daya imaginasi itu dapat dilihat dengan jelas dan boleh ditafsir. Ini kerana seni visual melibatkan elemen-elemen lukisan, warna dan penggunaan bahan. Dalam kajian ini, penyelidik menfokus kepada aktiviti seni visual seperti percikan dan capan. Aktiviti percikan melibatkan aktiviti seperti menggunakan berus warna dan tiupan dengan menggunakan straw. Kolaj pula merangkumi aktiviti seperti menggunting, menggoyak, menampal kertas dan bahan buangan pada permukaan yang disediakan. Capan pula merangkumi penggunaan warna cair (*water colour*) dan bahan buangan atau bahan alam semulajadi. Akan tetapi aktiviti kolaj terpaksa digugurkan kerana murid (responden) tidak bertindak balas terhadap aktiviti kolaj.





1.11.4 Pengurusan Tingkah Laku

Satu rancangan untuk memodifikasikan tingkah laku bermasalah ke satu matlamat yang ditetapkan dengan teknik-teknik atau kaedah-kaedah yang sesuai. Pengurusan tingkah laku juga mempunyai satu bentuk sistem pengurusan tingkah laku pembelajaran yang sihat dan produktif. Ia membimbing tingkah laku negatif dan bebas gangguan.

1.12 Rumusan

Dalam bab ini, penyelidik telah menghuraikan secara terperinci dan lengkap mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk, latar belakang kajian serta fokus utama kajian melalui subtopik seperti pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, tujuan kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, definisi operasional yang berkaitan dengan masalah tingkah laku berulang murid autistik. Penyelidik juga cuba mengkaitkan fungsi aktiviti seni visual dalam mengurus masalah tingkah laku berulang murid autistik.

